

27 JAN 2000

Abdullah-Khabar Angin

JANGAN DENGAR KHABAR ANGIN, KATA ABDULLAH

KOTA KINABALU, 27 Jan (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini meminta rakyat negara ini agar tidak mendengar khabar angin, sebaliknya mendapatkan maklumat daripada sumber yang rasmi.

Katanya khabar angin disebarkan oleh golongan tertentu yang mempunyai motif yang tidak baik.

Rakyat perlu tahu membezakan antara yang betul dan yang tidak, katanya.

"Kalau tidak ada apa-apa kenyataan rasmi, itu bermakna ia tidak betul, Itu sahaja formulanya untuk mengetahui sama ada sesuatu itu betul atau tidak," katanya kepada pemberita di terminal dua lapangan terbang antarabangsa Kota Kinabalu sebelum berlepas ke ibu negara setelah mengakhiri lawatan singkatnya ke negeri ini.

Ketika diminta mengulas khabar angin berhubung keadaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sedang bercuti di luar negara, Abdullah berkata, rakyat tidak seharusnya mudah mendengar khabar angin.

"Buat apalah rakyat negara ini mudah panik. Kalau ada apa-apa yang berlaku, pasti rakyat akan tahu kerana mereka perlu diberitahu," katanya.

Malam tadi, ketika diminta mengulas khabar angin yang disebarkan oleh pihak tertentu, termasuk kononnya Dr Mahathir terjatuh dari Kuda, Abdullah berkata khabar-khabar angin itu disebarkan oleh pihak tertentu yang tidak mempunyai perasaan cinta terhadap negara.

"Kita tidak tahu apa motif mereka menyebarkan khabar angin ini tetapi apa juga motifnya, ia tidak baik," kata Abdullah hari ini.

"Kalau ada kebenarannya, lebih baik kita beritahu dan nyatakan secara terperinci supaya rakyat tahu. Tapi kadang-kadang rakyat kita mudah panik, dengar khabar anginpun dia melompat," katanya.

Mengenai tindakan yang akan dikenakan terhadap mereka yang suka menyebarkan khabar angin, Abdullah berkata: "Saya tak tahulah apa yang perlu dibuat waktu ini, penyebar khabar angin yang nakal ini banyak sangat. Yang penting, rakyat perlu ingat bahawa mereka akan diberitahu mengenai sesuatu perkara, tiada apa yang perlu kita sorok."

-- BERNAMA

JS NMO